**KHUTBAH JUMAAT 9 ZULKAEDAH 1440H/12 JULAI 2019M**

# MENYAHUT SERUAN HAJI

**OLEH: JHEAINS**

اَلحَمدُ لِلّهِ الْقَآئِلِ:

الحَمْدُ للهِ الَّذِي فَرَضَ الحَجَّ وجَعَلَ لَهُ مِيزَةً لَيْسَتْ فِي غَيْرِهِ مِنَ الفَرائِضِ.

أَشْهَدُ أَنْ لآ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِى الْبَشِيْرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوْا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلاَ تَمُوْتُنَّ إِلاَّ وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

## SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH

Kita kini berada di ambang musim haji. Umat Islam di seluruh dunia termasuklah dari sabah dan negara kita ini bersiap untuk menuju ke Tanah suci Makkatul Mukarramah dengan niat yang satu, dengan tujuan yang satu, dengan harapan yang satu ; iaitu untuk menyempurnakan tuntutan terakhir daripada rukun islam yang lima.

Umat Islam dari seluruh pelosok dunia melangkah meninggalkan tanah air masing-masing, baik dengan melalui darat, laut mahupun udara. Dengan apapun cara yang dilakukan untuk sampai kesana, kesemuanya itu adalah untuk membawa hamba menuju destinasi yang suci, dalam menyempurnakan tuntutan yang suci dan demi menunaikan manasik ibadat yang suci.

Dalam al-quran Allah S.W.T menggambarkan syiar ibadat haji ini menerusi firman-Nya dalam surah Al-Hajj, ayat 27 :

وَأَذِّن فِي ٱلنَّاسِ بِٱلْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالاً وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

**Maksudnya**:*"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan Ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu Dengan berjalan kaki, dan Dengan menunggang berjenis-jenis unta Yang kurus Yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) Yang jauh".*

Demikianlah, apabila kita kembali kepada maksud kesyukuran yang disentuh pada awal khutbah ini, maka sesungguhnya ibadat haji merupakan salah satu daripada pancaran rasa kesyukuran kita terhadap nikmat kesihatan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T, tanda rasa syukur kita terhadap nikmat kekuatan tubuh badan yang diberikan oleh Allah S.W.T, manifestasi rasa syukur kita terhadap nikmat kesejahteraan sehingga kita dengan aman menuju tanah suci yang dikurniakan-nya, dan langkah para hujjaj itu juga isyarat kesyukuran kita terhadap kelapangan rezeki yang dilimpahkan-nya sehingga kita mampu untuk sampai ke Makkah bagi menyahut seruan ibadat haji.

**PARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Para bakal haji ini perlulah bersyukur dan terus bersyukur, kerana daripada seluruh umat Islam di dunia ini, hanya mereka antara jutaan juta umat Islam seluruh dunia yang mendapat kesempatan untuk menunaikan fardhu haji pada tahun ini. Oleh itu, kesempatan yang terbaik sebagai tetamu Allah ini hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, khasnya dengan berusaha mendapatkan haji yang mabrur, kerana haji yang mabrur dijanjikan oleh Allah S.W.T dengan syurga-nya, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud :

"Haji yang mabrur tiada ganjaran baginya, melainkan syurga".

(HR: Bukhari dan Muslim)

**SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH**

Sebagai bekalan ke tanah suci baiklah kiranya para bakal jemaah haji merenungkan dan memberikan perhatian yang mendalam terhadap perkara berikut :

Pertama, saudara-saudara para bakal haji perlulah sentiasa meluruskan niat dengan memastikan bahawa tujuan mereka ke tanah suci hendaklah semata-mata ikhlas untuk beribadat kepada Allah S.W.T, bukannya untuk meraih kepentingan peribadi seperti untuk mendapat pujian dan lain-lain.

Dalam surah al-baqarah, ayat 196, Allah S.W.T mengingatkan :

وَأَتِمُّواْ ٱلۡحَجَّ وَٱلۡعُمۡرَةَ لِلَّهِۚ

Yang bermaksud:“Tunaikanlah haji dan umrah semata-mata
kerana Allah”.

Perkara kedua, saudara-saudara bakal tetamu Allah sekalian perlulah sentiasa memastikan bahawa setiap amalan atau manasik haji yang ditunaikan hendaklah sesuai dengan tuntutan rukun dan segala peraturan ibadat yang telah ditetapkan.

Perkara ketiga pula ialah kita perlu memanfaatkan kesempatan barada di tanah suci dengan melipat-gandakan amal ibadat, khasnya dengan melaksanakan solat berjemaah, beriktikaf, membaca al-quran, banyak berzikir dan sebagainya. Elakkanlah daripada amalan berbelanja atau membeli-belah yang keterlaluan sehingga boleh melalaikan kita daripada kesempatan melaksanakan ibadat-ibadat yang besar ganjarannya di Masjidil Haram. Rasulullah S.A.W. menjelaskan mengenai keutamaan masjidil Haram ini menerusi sebuah sabdanya yang bermaksud :

“Satu solat di masjidku ini (Masjid Nabawi di Madinah) lebih utama daripada seribu solat di masjid-masjid selainnya, kecuali Masjidil Haram. Satu solat di Masjidil Haram lebih utama seratus kali daripada solat di (Masjidku) ini ”.
(Hadis Riwayat Ahmad)

Namun di samping bersungguh-sungguh beribadat, maka janganlah sekali-kali diabaikan aspek kesihatan, kerana fizikal yang sihat akan membantu kita dalam menyempurnakan segala tuntutan haji.

Perkara keempat yang juga perlu mantap dalam diri para jemaah haji ialah nilai kesabaran. Para jemaah haji perlu mengutamakan kesabaran dalam menyempurnakan ibadat. Tuntutan haji yang menghadirkan jutaan manusia berhimpun di tanah suci, tentulah juga akan menghadirkan pelbagai karenah manusia dengan suasana yang tidak sama  jika dibandingkan dengan keadaan di tanah air dari segi keselesaan, kemudahan mahupun keadaan iklimnya. Hakikat inilah yang perlu disedari oleh para jemaah haji sekalian.

Di tengah-tengah kesesakan manusia dari seluruh pelosok dunia menunaikan ibadat, maka janganlah diharapkan layanan atau kemudahan-kemudahan yang sama dengan yang ada di tempat kita. Justeru, kita perlu sentiasa bersabar dan menahan diri daripada bertindak mengikut perasaan, menjauhi rasa marah, mengikis ego di hati dan menghakis rasa besar diri yang boleh menjejaskan kesempurnaan ibadat kita. Apabila telah memakai ihram di miqat, maka lucutlah pula segala pakaian kebesaran, pangkat, kedudukan dan keturunan. Semua para haji sama memakai ihram yang putih yang mengisyaratkan bahawa semua manusia adalah sama hanya dengan ketaqwaan sebagai ukuran kemuliaan. Semoga para Jemaah haji akan pergi menyahut panggilan kaabah dengan membawa kesabaran dan kesungguhan beribadat, dan kembali ke tanah air dengan haji yang mabrur.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِيْ الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِى وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّىْ وَمِنْكُمْ تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِى هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِىْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَـــا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.

Diterbit dan diedarkan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah